

04 JUN 2003

SHAFIE-EKONOMI

GABUNGAN DUA PAKEJ MANTAPKAN EKONOMI NEGARA

SHAH ALAM, 4 Jun (Bernama) -- Gabungan dua pakej untuk memantapkan ekonomi dan pasaran yang diperkenalkan oleh kerajaan telah memperlihatkan "riak-riak" bahawa ekonomi negara semakin baik, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh.

Beliau bagaimanapun berkata kesan positif gabungan pakej itu kepada ekonomi negara hanya dapat dinilai selepas tiga bulan.

"Masa itu, baru kita ada 90 peratus keyakinan untuk mengatakan ekonomi kita telah ok. Tapi sekarang ini riak-riak itu telah ada," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penerangan Skim Kredit Mikro Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) di sini, hari ini.

Pada bulan lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan Pakej Strategi Ekonomi Baru berjumlah RM7.3 bilion bagi merangsangkan ekonomi negara.

Di bawah pakej itu Kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan skim Kredit mikro bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Manakala pada Mac tahun ini juga, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan 10 Langkah untuk memantapkan pasaran modal.

Mengenai skim kredit mikro, Shafie berkata kemudahan itu akan membantu menjana aktiviti ekonomi negara secara dalaman dalam situasi kemerosotan kemasukan pelaburan asing.

BSN dan BPMB mula melancarkan program itu sejak semalam. Dibawah program itu, RM300 juta diperuntukkan kepada BSN untuk digunakan bagi membiayai projek ekonomi bukan pertanian manakala RM500 juta kepada BPMB untuk membiayai aktiviti ekonomi berbentuk pertanian.

Shafie berkata Perdana Menteri mahu setiap bank mengemukakan laporan berkala mengenai kemajuan mikro kredit setiap minggu.

"Kita mahu mikro kredit ini berjaya. Sebab nak mengharap pelaburan luar kemungkinan tak seberapa. Jadi kita nak menjana ekonomi secara dalaman," katanya.--BERNAMA

LES ZK